



Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI perkasa agenda perpaduan negara

Oleh Essa Abu Yamin - Mac 1, 2023 @ 4:31pm
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Program Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang dianjurkan oleh kerajaan dapat memperkasa agenda perpaduan negara dan integrasi nasional di bawah Ikhtiar 11 Belanjawan 2023.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, matlamat program berkenaan adalah bagi menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.

"Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga kluster program melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuk pemimpin, agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Civil Society Organisation (CSO) dan masyarakat.

"Kluster pertama membabitkan Program Semarak Kenegaraan iaitu program yang memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui usaha memasyarakatkan Rukun Negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, Program Semarak Perpaduan yang bertemakan 'Merakyatkan Perpaduan' juga bertujuan meraikan perbezaan dalam kepelbagaian melalui elemen seperti kebudayaan, pendidikan dan rekreasi.

"Program Komuniti RAHMAH juga dilaksanakan yang memberi fokus kepada pembinaan komuniti yang sejahtera dan harmoni meliputi aspek ekonomi, pendidikan, agama, kesihatan, kenegaraan, kebudayaan dan alam sekitar.

"Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Arkib Negara Malaysia (ANM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) dan Yayasan Tun Razak (YTR) juga terbabit dalam melaksanakan program berkenaan," katanya.

Tambah beliau, pembabitan jentera perpaduan khususnya Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Skim Rondaan Sukarela, Sekretariat Rukun Negara, Kelab Rukun Negara, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan dan NGO Rakan Perpaduan (Friends of Unity) akan diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan setiap program dan aktiviti berkaitan.

"Pelaksanaan semua program berkenaan akan menggunakan pendekatan kerajaan secara menyeluruh iaitu kerjasama antara agensi kerajaan merentasi sempadan portfolio organisasi dengan berkongsi tindakan untuk mencapai matlamat pembangunan Malaysia MADANI.

"Program itu membawa impak yang besar kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai pengisian program yang dapat memperkuuh jalinan muhibbah dan ikatan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia," katanya.

Katanya, kementerian menyeru seluruh rakyat dapat terus menghayati konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian dan mengamalkan nilai toleransi dalam membina masyarakat MADANI yang bersatu padu dan berdaya saing.